

Asingkan politik, pembangunan

2

BM 3 MAY 1991

PASIR MAS, Khamis — Rakyat perlu mengasingkan soal politik daripada soal pembangunan supaya mereka memperoleh lebih faedah, hasil pelaksanaan sesuatu projek itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan berniat ikhlas dalam melaksanakan projek pembangunan di seluruh negara dan tidak sepatutnya ia disalahtafsirkan.

Menurutnya, pembangunan negara adalah kewajipan dan tanggungjawab kerajaan selepas mendapat kepercayaan daripada rakyat.

"Kerajaan Pusat tidak berniat jahat kepada rakyat, termasuk di Kelantan, sebab itu kita sanggup membelanjakan wang yang besar untuk membantu mereka.

"Sehubungan itu, kita berharap soal pembangunan tidak dijadikan isu politik dan ia juga hendaklah diasingkan daripada kepentingan lain," katanya ketika merasmikan Jambatan Pasir Mas-Sajor, dekat sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat; Menteri Belia dan Sukan, Senator Haji Annuar Musa dan bekas Menteri Besar, Tan Sri Mohamed Yaacob.

Perdana Menteri berkata, pembangunan bagaimanapun tidak datang begitu saja. Oleh itu, sepanjang pemerintahan Barisan Nasional (BN) dan Perikatan sebelum ini, kerajaan sentiasa berusaha membangunkan negara.

Katanya, hasil usaha itu Malaysia kini terkenal sebagai negara membangun yang termaju sekali.

"Di zaman pemerintahan British, projek pembangunan hanya tertumpu di kawasan tertentu, manakala keadaan di kawasan pedalaman adalah menyedihkan kerana kos membiayai pembangunan hanya dikutip daripada pihak tertentu saja.

"Bagaimanapun, kerajaan sekarang mengutip cukai dari semua orang bagi membolehkan projek pembangunan dilaksanakan di seluruh negara," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, langkah kerajaan mengutip cukai daripada orang berada untuk diagihkan kepada mereka yang miskin dan itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

"Kita perlu membayar zakat dan bersedekah untuk membantu mereka yang kurang mampu dan ini juga akan dapat merapatkan jurang perbezaan di antara rakyat miskin dan kaya," katanya.